



16 NOV, 2021

Pasar Awam Presint 8 bakal berwajah baharu

Wilayahku, Malaysia

Page 1 of 2

Pasar Awam Presint 8 bakal berwajah baharu

PASAR Awam Presint 8 (PAP8), Putrajaya bakal berwajah baharu seawal Januari 2022 dengan melibatkan kos keseluruhan kerja-kerja baik pulih dan naik taraf sebanyak RM500,000.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj), **Norzita Abdul Razak**, kerja-kerja naik taraf dilakukan selepas mengambil kira penilaian kemudahan fasiliti, keadaan pasar awam yang semakin uzur dan sebagainya.



NORZITA

“Kerja-kerja ini bakal meliputi baik pulih lantai dan penutup perangkap lantai, jubin dinding dan lantai, bilik sejuk beku, bumbung pasar, perabot tandas serta rangka gerai.

“Sementara kerja naik taraf pula melibatkan pemasangan baharu papan tanda harga jualan, penggantian papan tanda gerai, penggantian rak sayur dan buah serta mengecat bangunan dan sebagainya,” ujar beliau.

Tambah Norzita lagi, sepanjang tempoh kerja naik taraf dan baik



SALAH seorang pembeli mendapatkan barang basah di khemah sementara berhampiran pasar awam.

pulih berlangsung, PPj turut menyediakan kemudahan khemah dengan kipas sebagai ruang sementara untuk peniaga berniaga di luar kawasan pasar awam.

Terdahulu, PAP8 mula beroperasi pada tahun 2000 dan merupakan pasar awam pertama di Putrajaya yang diuruskan PPj.

Ia mempunyai 47 ruang niaga iaitu 32 ruang niaga di aras bawah dan 15 ruang niaga di aras atas.

Putrajaya mempunyai dua kompleks pasar awam dan masing-masing satu Pasar Tani Mega dan *My Farm* yang menjadi tumpuan penduduk Putrajaya mendapat barang keperluan segar.



16 NOV, 2021

Pasar Awam Presint 8 bakal berwajah baharu

Wilayahku, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PASAR Awam Presint 8 (PAP8), Putrajaya bakal berwajah baharu seawal Januari 2022 dengan melibatkan kos keseluruhan kerja-kerja baik pulih dan naik taraf sebanyak RM500,000. Menurut Pengarah Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj), Norzita Abdul Razak, kerja-kerja naik taraf dilakukan selepas mengambil kira penilaian kemudahan fasiliti, keadaan pasar awam yang semakin uzur dan sebagainya.